



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

OPS KHAS MOTOSIKAL - JPJ PERKUKUH PENGUATKUASAAN TERHADAP MOTOSIKAL

KARAK, 25 Januari 2026 – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah melaksanakan **Ops Khas Motosikal** sebagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan khusus bagi menangani peningkatan kes kemalangan melibatkan **motosikal** di negara ini.

Operasi ini melibatkan kekuatan **seramai 183 orang** anggota JPJ daripada **JPJ Ibu Pejabat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang**, dengan fokus penguatkuasaan di **Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1)** melibatkan **lalan Gombak hingga Karak**, yang dikenal pasti sebagai antara laluan tumpuan penunggang motosikal.

JPJ memandang serius **trend peningkatan kemalangan motosikal**, khususnya yang berpunca daripada ketidakpatuhan terhadap peraturan jalan raya. Menyedari hakikat itu, Ops Khas Motosikal diperkenalkan sebagai satu pendekatan strategik bagi meningkatkan tahap pematuan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Melalui operasi ini, JPJ memberi tumpuan kepada pemeriksaan **Lesen Memandu Kompeten (CDL)** mengikut kelas yang ditetapkan, **cukai jalan (Lesen Kenderaan Motor) yang sah**, serta pemeriksaan terhadap spesifikasi teknikal yang lain. **Tindakan tegas** akan diambil terhadap mana-mana penunggang yang gagal mematuhi undang-undang jalan raya.

JPJ mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan semua penunggang motosikal supaya sentiasa **mematuhi undang-undang jalan raya, menunggang secara berhemah dan bertanggungjawab demi keselamatan diri serta pengguna jalan raya lain**. Operasi ini akan dilaksanakan secara **berterusan dan bersepadu** bagi memastikan tahap keselamatan semua pengguna jalan raya sentiasa terpelihara.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

25 JANUARI 2026

[TAMAT]